



SKYAWANI PRIMA RESIDENCES: PEMBANGUNAN IKONIK BAHARU PR1MA

KUALA LUMPUR, 23 JULAI 2025 – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang merupakan agensi peneraju perumahan mampu milik Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memperkenalkan projek kediaman baharu di tengah bandar raya Kuala Lumpur iaitu SkyAwani PRIMA Residences. Projek yang dibina di Brickfields dengan usaha sama SkyWorld Development Berhad (SkyWorld) ini memiliki Nilai Pembangunan Kasar (GDV) berjumlah RM192 juta dan berhampiran dengan pusat beli-belah Mid Valley Megamall, stesen LRT Bank Rakyat-Bangsar, Pantai Hospital Kuala Lumpur serta pelbagai kemudahan lain.

Bersempena ASEAN Real Estate Conference (AREC) 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, bersama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Tuan Nga Kor Ming, telah mengumumkan usaha sama di antara PR1MA dan SkyWorld ini serta menyempurnakan sesi undian unit kediaman SkyAwani PRIMA Residences di Pavilion KPKT.

SkyAwani PRIMA Residences merupakan kediaman jenis apartmen dengan tawaran harga jualan bermula daripada RM390,000 seunit dengan keluasan 900 kaki persegi. Setiap unit dilengkapi dengan tiga bilik tidur, dua bilik air, dan satu bilik utiliti dengan susun atur praktikal. Selain itu, pembangunan ini turut memiliki pelbagai kemudahan gaya hidup seperti kolam renang dewasa dan kanak-kanak, gimnasium, dewan serba guna, surau, bilik bacaan, taman permainan kanak-kanak, serta gelanggang bola keranjang.

Sebanyak enam (6) cabutan daripada 492 unit kediaman disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah dan YB Tuan Nga Kor Ming sebagai simbolik kepada sesi undian beraudit yang dilakukan PR1MA sepanjang hari ini.

Menurut Menteri KPKT, "Projek ini adalah manifestasi kepada pendekatan KPKT menerusi PR1MA yang progresif dalam menyediakan kediaman berkualiti tinggi di lokasi strategik. SkyAwani PRIMA Residences bukan sahaja memenuhi keperluan perumahan rakyat di bandar, malah ia dibina dengan menekankan elemen kemampanan dan kualiti melalui pematuhan kepada standard Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan (QLASSIC) oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Kerajaan yakin projek ini akan menjadi penanda aras baharu dalam landskap perumahan mampu milik di kawasan bandar, sekali gus membuka lebih banyak peluang pemilikan rumah kepada golongan M40 selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI."

Pada majlis sama, turut dilancarkan kempen jualan 'Rumah PR1MA Kita', inisiatif terkini oleh PR1MA yang memberi tumpuan kepada penawaran kediaman mampu milik sedia untuk didiami dengan diskaun sehingga 25%. Selain itu, bagi 500 pembeli terawal yang menandatangani Perjanjian Jual Beli (SPA), PR1MA turut menawarkan pakej rumah pintar serta langganan Internet percuma selama setahun.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan & Anggota Perbadanan PR1MA, Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff berkata, “Kempen yang melibatkan 23 projek kediaman PR1MA di seluruh negara ini mencerminkan usaha berterusan kami dalam memperluaskan akses kepada kediaman mampu milik berkualiti, khususnya kepada golongan M40 yang sering berdepan cabaran memiliki rumah di lokasi strategik. Kami amat mengalu-alukan rakyat Malaysia yang berkecenderungan untuk segera merebut peluang ini kerana tempoh kempen adalah terhad iaitu dari 23 Julai hingga 31 Disember 2025 sahaja.”

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai kempen “Rumah PR1MA Kita” boleh melayari laman sesawang rasmi di www.rumahkita.pr1ma.my atau mengunjungi mana-mana reruai PR1MA yang mengambil bahagian dalam siri jelajah di seluruh negara sepanjang kempen berlangsung.

-TAMAT-

Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) merupakan sebuah agensi peneraju perumahan mampu milik di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012, PR1MA bertanggungjawab untuk membangunkan kediaman mampu milik berkualiti tinggi bagi rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA direka dengan konsep holistik serta menekankan pembangunan komuniti lestari. Sebagai agensi perumahan yang diiktiraf industri menerusi pencapaian pelbagai anugerah yang dimenangi, PR1MA terus komited untuk menyediakan perumahan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan rakyat dan memperkasa agenda perumahan negara.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Khairul Faizi Dalail (khairul.faizi@pr1ma.my / +60 13-7029740)
Huda Zafirah A Rashid (huda.zafirah@pr1ma.my / +60 13-4441189)